

AUTHOR: No author available SECTION: NIAGA PAGE: 30 PRINTED SIZE: 412.00cm² REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 10,733.00 ITEM ID: MY0063314262

16 APR, 2025



Perkukuh operasi TNB di Kuwait

Kosmo, Malaysia

Perkukuh operasi TNB di Kuwait

- Perjanjian kontrak selama tujuh tahun dengan MEWRE di Kuwait
- TNB REMACO uruskan 11 projek aktif dengan nilai lebih RM4.54 bilion

PETALING JAYA - Tenaga Nasional Berhad (TNB), mela-lui anak syarikat milik penuhnya, TNB Repair and Maintenance Sdn Bhd (TNB REMACO) telah

Sdn Bhd (TNB REMACO) telah memeterai perjanjian kontrak dengan Kementerian Elektrik, Air dan Tenaga Boleh Baharu (MEWRE) Kuwait untuk tempoh tujuh tahun dalam usaha memperkukuhkan lagi kedudukannya di peringkat antarabangsa.

Dalam kontrak baharu yang bernilai kira-kira RM705 juta itu, TNB REMACO bersama rakan kongsi dari Kuwait, AL DHOW Engineering akan memberi tumpuan kepada kerja-kerja senggaraan,pembaikan dan baik pulih menyeluruh (MRO) bagi Loji Janakuasa dan Penyulingan Air Sabiya.



MEGAT JALALUDDIN (tiga dari kanan) pada majlis pemeteralan perjanjian dengan wakil daripada MEWRE

Terletak 65 kilometer dari Ku-wait, loji dengan empat unit jana kuasa minyak dan gas berkapa-siti keseluruhan 2994 megawatt (MW) ini, memainkan peranan penting dalam infrastruktur tenaga negara tersebut.

Presiden/Ketua Pegawai Ekse-kutif TNB, Datuk Ir. Megat Jala-luddin Megat Hassan berkata, perjanjian itu mencerminkan keyakinan MEWRE terhadap usaha sama TNB REMACO-AL DHOW untuk menyediakan solusi tenaga yang berkualiti tinggi dan mampan, bagi menyokong permintaan tenaga yang semakin

meningkat di Kuwait. "Kontrak ini sejajar dengan misi TNB untuk menjadi penyedia solusi tenaga mampan yang terke-

muka, bukan sahaja di Malaysia

muka, bukan sahaja di Malaysia malah di peringkat antarabangsa. "Selain Kuwait, kami turut mengembangkan sayap ke United Kingdom, Ireland, Australia, Turkiye, Arab Saudi, Pakistari dan Kemboja," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Megat Jalaluddin menjelaskan, kerjasama itu bukan sahaja mengukuhkan kepakaran teknikal sedia ada, malah juga mengeratkan lagi hubungan ekonomi antara Malaysia dan Kuwait.

ratkan lagi hubungan ekonomi antara Malaysia dan Kuwait. Selain itu, Pengarah Urusan TNB Power Generation Sch. Bdd. (TINB Genco) dan Pengerusi TNB REMACO, Datuk Ir. Muhamad Naz-ri Pazil berkata, sejak memasuki pasaran penjanaan kuasa Kuwait pada tahun 2013, TNB REMACO telah berkembang pesa

telah berkembang pesat.

"Kami kini menguruskan 11 projek aktif dengan jumlah nilai kontrak melebihi RM4.54 bilion.

kontrak melebihi RM4.54 bilion.
"Sejak 2013 juga, seramai
16 bakat dan pakar TNB telah
dipinjamkan ke Kuwait bagi memantau projek-projek ini dan
kini enam kakitangan sedang
mengetuai serta menguruskan
kesemua 11 kontrak yang sedang
berjalan," ujarnya.